

Kemudahan Bantuan Bencana 2022

Bagi meringankan beban kewangan PMKS yang terjejas akibat banjir dan membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan mereka

Kriteria kelayakan

PKS¹ dan perusahaan mikro yang terjejas akibat banjir, yang terletak di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara sebagai kawasan bencana banjir

Semua permohonan perlu dihantar terus kepada institusi kewangan peserta untuk mengurangkan risiko penipuan kewangan.

Tujuan pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">• Membaiki dan/atau mengganti aset untuk kegunaan perniagaan (cth. loji dan mesin) yang telah rosak akibat banjir; dan/atau• Modal kerja. <p><small>Nota: Pembiayaan tidak seharusnya digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada</small></p>
Jumlah pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga RM500,000 bagi setiap PKS; dan• Sehingga RM75,000 bagi setiap perusahaan mikro.
Kadar pembiayaan kepada PKS	Kadar pembiayaan efektif maksimum adalah sehingga 3.50% setahun, termasuk fi jaminan.
Perlindungan jaminan	<ul style="list-style-type: none">• 80% perlindungan jaminan dengan fi jaminan sebanyak 0.5% setahun.• Untuk kemudahan ini, institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).
Tempoh	Sehingga 5 tahun, termasuk tempoh moratorium selama 6 bulan ke atas bayaran pokok dan faedah/keuntungan.
Tempoh permohonan	Kemudahan ini akan disediakan mulai 27 Disember 2021 sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya (atau sehingga diberitahu kelak, bergantung pada situasi banjir).
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.

¹ Sekurang-kurangnya 51% saham dipegang oleh rakyat Malaysia dan seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan bagi Definisi PKS yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia. Garis panduan ini boleh diakses melalui https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Garis_Panduan_DefinisiPKS_dikemaskini.pdf

Maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



bnm.gov.my/sme-financing



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA